

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 5, Issue 5, May 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

www.msocsciences.com**Analisis Pola Pengundian dan Senario Politik Semasa di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 Berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah****Mohd Azri Ibrahim¹, Romzi Ationg¹, Mohd Sohaimi Esa¹, Madiyahem Layapan¹**¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS)Correspondence: Romzi Ationg (mratiiong@ums.edu.my)**Abstrak**

Malaysia sebagai sebuah negara merdeka telah melaksanakan prinsip sistem politik demokrasi dengan mengadakan Pilihan Raya Umum sejak tahun 1955. Pilihan Raya Umum pada tahun 2018 merupakan PRU ke-14 (PRU-14) telah dilaksanakan di Malaysia. Pada PRU tersebut, sebanyak 25 kerusi parlimen dan 60 kerusi DUN telah dipertandingkan di negeri Sabah. Pilihan raya ini telah mencipta sejarah apabila gabungan parti-parti politik pembangkang iaitu Pakatan Harapan telah berjaya menewaskan parti Barisan Nasional yang menjadi pemerintah sejak Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Sehubungan itu, selepas PRU-14 arena politik negara telah diwarnai dengan beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di Sungai Kandis, Balakong dan Semenyih serta pilihan raya kecil bagi kerusi parlimen seperti di Cameron Highland, Port Dickson dan Sandakan. PRK bagi P186 Sandakan merupakan pilihan raya kecil yang kelapan diadakan sejak PRU-14. PRK ini diadakan berikutan kematian ahli parlimen Sandakan iaitu Datuk Wong Tien Fatt akibat serangan jantung. Bagi mengisi kekosongan kerusi P186 Sandakan ini, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi parlimen Sandakan supaya diadakan pada 11 Mei 2019 selepas proses penamaan calon selesai pada 27 April 2019. PRK Sandakan ini melibatkan pertandingan 5 penjurur iaitu diantara calon DAP, PBS dan calon bebas. Artikel ini bertujuan membicarakan pola pengundian dalam PRK Sandakan serta menganalisis senario politik negara pasca PRU-14 berdasarkan pengamatan keatas PRK bagi P186 Sandakan dengan menumpukan kepada aspek kerjasama dan persefahaman politik antara parti-parti politik. Melalui penjelasan khusus tentang pola pengundian pasca PRU-14 ini maka adalah diharapkan artikel ini dapat memberi pemahaman tentang perkembangan politik dan pilihanraya semasa di Malaysia secara umumnya dan di Sabah secara khususnya, agar ianya selari dengan prinsip demokrasi sebenar.

Kata kunci: pilihan raya kecil Sandakan, demokrasi, senario politik semasa, Sabah**An Analysis of Voting Patterns and Malaysia Political Scenarios of Post-General Election 14 (GE-14) Era Based on P186 - Sandakan by Election in Sabah****Abstract**

Malaysia as an independent country has implemented the principles of the democratic political system by holding the General Elections since 1955. The 2018 General Election is the 14th General Election (GE-14). In this election, a total of 25 parliamentary and 60 state seats were contested in Sabah. This was a historical election due to the success of a coalition of opposition political parties namely Pakatan Harapan to defeat the ruling Barisan Nasional, a political party which ruled Malaysia since it established in 1963. Accordingly, after the GE-14 the political arena of the country molded with a

number of by-elections such as the by-election at the state level in Sungai Kandis, Balakong and Semenyih as well as by-elections for parliamentary seats in Cameron Highland, Port Dickson and Sandakan. The P186 Sandakan by-election is the eighth by-election since the GE-14. This was held following the death of Sandakan MP Datuk Wong Tien Fatt due to a heart attack. Therefore, to fill in the vacant of P186 Sandakan seat, the Election Commission (EC) has set up a by-election on May 11, 2019 after the nomination process was completed on April 27, 2019. This by-election was 5-cornered contests between the candidates from DAP, PBS and independent candidates. This article aims to discuss the voting pattern in the Sandakan by-election and analyze the post-GE-14 national political scenario based on observations on the Sandakan P186 by-election with the focus on political collaboration and understanding between political parties. It is hoped that this article will provide insight into the current political and electoral developments in Malaysia in general and specifically in Sabah which in line with the factual principles of democracy.

Keywords: Sandakan by election, democracy, political scenario, Sabah

Pengenalan

Bagi tujuan pelaksanaan sistem demokrasi di Malaysia maka Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah diadakan pada 9 Mei 2018. Dalam pada itu, pilihan raya umum ini telah menyaksikan penciptaan sejarah bagi sistem demokrasi negara apabila pada pertama kali dalam sejarah Malaysia parti Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan di tangan gabungan parti-parti politik pembangkang yang dinamakan Pakatan Harapan (PH) dengan sokongan parti Warisan di Sabah. Pada malam PRU-14, keputusan rasmi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunjukkan Pakatan Harapan dengan sokongan parti Warisan dari Sabah telah berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan mendominasi sebanyak 113 kerusi parlimen (PKR 49, DAP 42, BERSATU 12, AMANAH 10, parti Warisan 8 kerusi). Keputusan ini menjelaskan bahawa gabungan parti-parti politik ini telah berjaya mendapat sokongan politik dari para pengundi dan seterusnya berhak membentuk kerajaan di peringkat persekutuan. Di pihak parti BN pula, pihak SPR telah mengesahkan bahawa parti penyandang ini hanya berjaya memenangi 79 kerusi parlimen sahaja. Sehubungan dengan kejayaan PH dan rakan sekutunya ini maka Tun Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Pakatan Harapan telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-7 pada 10 Mei 2018. Pelantikan Tun Dr Mahadir Mohamad ke jawatan tersebut membuktikan bahawa parti PH dan rakan sekutunya telah mendapat sokongan kuat dari rakyat atau pun pengundi di negara ini.

Selain dari PRU-14, kejayaan Pakatan Harapan memenangi sokongan rakyat juga dapat dilihat dalam pilihan raya peringkat negeri apabila Pakatan Harapan berjaya memenangi kesemua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali di negeri Kelantan dan Terengganu (dimenangi oleh PAS), Pahang dan Perlis (dimenangi oleh BN). Manakala di Sabah pula parti Warisan dengan kerjasama *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah berjaya mengalahkan parti gabungan BN dan berjaya membentuk kerajaan di peringkat negeri Sabah. Di Sabah khususnya, parti Warisan dan parti sekutunya telah berjaya memenangi sebanyak 29 daripada keseluruhan 60 kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Daripada jumlah tersebut parti Warisan telah memenangi 21 kerusi, DAP 6 kerusi dan PKR 2 kerusi. Manakala parti komponen BN telah memenangi sebanyak 29 kerusi DUN (United Malay National Organization (UMNO Sabah) telah berjaya memenangi 18 kerusi, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu United (UPKO) masing-masing telah memenangi 5 kerusi dan 1 kerusi dimenangi oleh Parti Bersatu Rakyat Sabah, PBRBS). Kerusi DUN selebihnya iaitu sebanyak 2 kerusi telah berjaya dimenangi oleh Parti Reformis Negeri (STAR). Berdasarkan maklumat keputusan pilihanraya ini maka adalah jelas bahawa tiada mana-mana parti gabungan yang berjaya memenangi pilihan raya negeri Sabah pada tahun 2018. Ini kerana parti BN dan parti Warisan beserta sekutunya masing-masing memenangi jumlah kerusi yang sama iaitu 29 kerusi. Justeru para pengundi di Sabah pada peringkat awal sejeurus selepas PRU-14 telah mengandaikan bahawa keputusan parti STAR untuk menyertai samada BN atau parti Warisan dan sekutunya akan menjadi penentu kepada parti mana yang boleh membentuk kerajaan negeri Sabah.

Namun demikian, andaian umum seumpama ini tidak menjadi kenyataan. Peralihan sokongan parti UPKO daripada BN kepada parti Warisan selepas 24 jam keputusan pilihanraya negeri diumumkan membolehkan parti Warisan dan gabungannya berjaya membentuk kerajaan negeri dengan presiden parti Warisan iaitu Datuk Seri Shafie Apdal telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang ke-15. Berdasarkan kebiasaan dalam pelaksanaan sistem demokrasi di negara ini maka pelantikan seseorang Ketua Menteri selepas proses pilihan raya merupakan titik mula kepada suatu senario politik setempat yang baru. Terdapat keadaan dimana selepas proses pilihan raya dijalankan, keadaan politik di sesebuah negara akan menjadi stabil semula. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa tidak semua proses pilihan raya berakhir dengan permulaan mahupun pengukuhan kestabilan politik setempat berikutan adanya pelbagai isu seperti kematian seseorang wakil rakyat yang menyebabkan suatu pilihan raya kecil perlu diadakan (Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faiz, 2011).

Malahan di negara ini (Malaysia) selepas PRU-14, arena politik telah diwarnai oleh beberapa siri pilihan raya kecil sebagai kesan daripada beberapa isu yang memungkinkan pelaksanaan pilihan raya kecil samada kematian wakil rakyat, perletakan jawatan dan keputusan mahkamah (Mohd Zuwairi, Normah, Abdul Latif & Badrul, 2016). Antara pilihan raya yang telah dijalankan di peringkat DUN adalah PRK Sungai Kandis, Balakong dan Semenyih. Manakala di peringkat parlimen pula beberapa siri PRK melibatkan kerusi parlimen di Cameron Highland, Port Dickson dan Sandakan. Dalam pada itu, PRK bagi P186 Sandakan merupakan pilihan raya kecil untuk kali kelapan yang telah diadakan sejak PRU-14 berakhir dan PRK di Sungai Kandis pula merupakan PRK pertama selepas PRU-14 (Mohd Izham, 2019).

Dalam konteks pilihan raya di Sabah, PRK bagi P186 Sandakan merupakan PRK yang pertama diadakan di negeri ini selepas PRU-14. Secara umumnya, kerusi parlimen di Sabah meliputi 25 kerusi dan salah satu daripadanya ialah P186 Sandakan. Kerusi P186 Sandakan ini merupakan kawasan yang terletak di pantai timur Sabah. Kerusi parlimen ini hanya mempunyai dua kawasan DUN iaitu N45 Elopura dan N46 Tanjung Papat. Status semasa Sandakan sebagai salah satu daripada beberapa kawasan bandar yang pesat membangun di negeri Sabah menyebabkan kawasan ini dicirikan oleh kepelbagaian latarbelakang penduduk yang dapat dikategorikan kepada beberapa etnik seperti etnik Cina, Bumiputra Islam dan lain-lain. Ciri kepelbagaian penduduk di daerah ini turut dicoraki oleh hakikat bahawa majoriti penduduk adalah datangnya dari etnik Cina. Berdasarkan laporan oleh Poliana (2019), adalah didapati bahawa seramai 19,787 pengundi adalah etnik Cina (49.2% daripada sejumlah 40, 218 pengundi setempat), 17, 293 pengundi adalah Bumiputra Islam (43% daripada sejumlah 40, 218 pengundi setempat) dan 3, 138 adalah etnik lain-lain (5.7% daripada sejumlah 40, 218 pengundi setempat).

Ciri kepelbagaian penduduk di P186 Sandakan ini memungkinkan penjelasan khusus tentang pola pengundian dalam pilihan raya kecil pasca PRU-14 di negara ini dapat dilakukan. Sehubungan itu, objektif penulisan artikel ini adalah bagi membincangkan tentang pola pengundian dalam kalangan pengundi di negara ini dalam era pasca PRU-14 berdasarkan PRK di P186 Sandakan. Artikel ini juga bertujuan membincangkan senario politik pasca PRU-14 di negara dengan memberi tumpuan kepada aspek kerjasama dan persefahaman politik antara parti-parti politik. Namun sebelum dapatan kajian dapat dikemukakan, artikel ini akan mengengahkan perbincangan tentang konsep dan kajian lepas berkaitan pilihan raya dan kecenderungan pola pengundian dalam pilihan raya di kalangan pengundi setempat, serta kaedah penyelidikan yang digunapakai bagi kajian yang memungkinkan artikel ini dapat disediakan.

Sorotan Literatur

Demokrasi merupakan istilah yang begitu popular dewasa ini. Istilah demokrasi ini dikatakan berasal dari dua perkataan Greek iaitu '*demos*' yang bermaksud rakyat dan '*kratia*' yang bermaksud pemerintahan (Ranney, 1993; Roskin, 2000). Roskin (2000) seterusnya telah mengutarakan beberapa persoalan tentang parti politik dan demokrasi dalam sesebuah negara. Persoalan yang dilontarkan oleh Roskin ialah "*can you have a democracy without competing parties?*". Persoalan seumpama ini sewajarnya dapat difahami oleh masyarakat dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia dengan

lebih jelas dan mudah. Ini kerana amalan demokrasi membenarkan parti-parti politik bersaing untuk menang dalam pilihan raya dan tanpa persaingan antara parti politik maka adalah sukar untuk mengatakan bahawa sesebuah negara berkaitan adalah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Dalam pada itu, parti politik perlu wujud dan terlibat dalam pilihan raya melalui sistem politik demokrasi yang dimaksudkan. Oleh itu, dengan adanya amalan, pelaksanaan dan perjalanan suatu pilihan raya dalam sistem demokrasi maka setiap parti politik berperanan untuk bertanding dalam suatu pilihan raya yang diadakan. Jupp (1968) telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan parti politik terutamanya tentang definisi parti politik dan pilihan raya. Secara umumnya beliau menegaskan bahawa parti politik merujuk kepada sebuah kumpulan atau institusi yang mempunyai program, pemimpin, kesetiaan dan disiplin. Manakala bagi konsep pilihan raya pula, beliau menegaskan bahawa hal ini merujuk kepada suatu aktiviti pemilihan umum bagi menentukan wakil suatu masyarakat atau kumpulan individu dalam suatu dewan perwakilan atau organisasi. Beliau turut menegaskan bahawa pilihan raya biasanya diadakan oleh mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Oleh itu, aktiviti pilihan raya menjadi tempat atau pentas kepada ahli-ahli politik atau parti-parti politik untuk bertanding dan berusaha meraih sokongan masyarakat atau pengundi bagi memastikan kemenangan kepada calon atau parti politik tertentu.

Parti politik atau calon yang bertanding semasa proses pilihan raya biasanya diberikan ruang dan peluang untuk berkempen bagi mendapat sokongan daripada penduduk setempat yang layak untuk mengundi atau memilih wakil mereka di dewan perwakilan tertentu. Dalam hal ini, Ranney (1993) menjelaskan bahawa pilihan raya juga merupakan suatu proses pemilihan perwakilan di dewan perwakilan oleh rakyat dan juga kawalan rakyat terhadap kerajaan. Wilson pula melihat pilihan raya dalam konteks demokrasi sebagai suatu aktiviti politik yang penting apabila beliau berpendapat bahawa "*all modern democratic hold elections, but not all elections are democratic*" (2008, m/s. 13). Berdasarkan pandangan seumpama ini maka di sini jelas bahawa amalan pilihan raya sewajarnya wujud dalam suatu sistem demokrasi. Namun demikian perlu ditegaskan bahawa tidak semua proses pilihan raya boleh dianggap sebagai suatu proses yang dianggap demokratik dalam erti kata yang sebenarnya. Ini kerana terdapat amalan dalam proses pilihan raya yang dianggap tidak adil, bebas dan telus seringkali menjadi ciri penting kepada proses tersebut. Bagi membincangkan hal ini, Wilson (2008) menegaskan tentang pentingnya pemerintah dalam sesebuah negara mengamalkan atau melaksanakan suatu pilihan raya yang adil, bebas dan telus sentiasa. Secara umumnya beliau berpendapat bahawa pelaksanaan pilihan raya secara adil, telus dan bebas mampu menjamin kelangsungan sistem pemerintahan negara yang stabil. Sebaliknya, jika suatu pilihanraya dicirikan oleh ketidaktelusan, ketidakadilan dan tanpa kebebasan maka pilihan raya yang dijalankan adalah wajar dikecam kerana kesan buruknya terhadap kestabilan sistem pemerintahan negara.

Di Malaysia, Vasil (1972) mendapati bahawa ciri adil, bebas dan telus dalam pelbagai hal semasa pilihanraya yang memberi gambaran kepada kecenderungan perubahan pola pengundian meliputi proses pencalonan, kaitan pilihan raya dan isu perkauman serta lokaliti mula diterjemahkan dalam proses pilihan raya umum tahun 1969. Beliau mendapati kebangkitan parti-parti pembangkang yang berteraskan kaum seperti Gerakan dan DAP bagi pengundi etnik Cina dan PAS bagi pengundi Melayu telah memperlihatkan kecenderungan perubahan pola pengundian ini. Perubahan tersebut dianggap oleh beliau sebagai kesan daripada penekanan tentang isu-isu perkauman yang dibangkit atau sentiment kaum itu sendiri yang dibangkitkan dalam pilihanraya tersebut. Ini bermakna, proses pelaksanaan pilihan raya pada ketika itu amat dipengaruhi oleh faktor sentiment kaum. Selain itu, kesedaran dan penglibatan masyarakat Melayu dalam proses pilihan raya juga turut memainkan peranan dalam hal yang dimaksudkan. Mengulas tentang hal tersebut, Rogers (1977) menegaskan bahawa tahap kesedaran dan penglibatan masyarakat Melayu dalam politik pilihan raya pada masa itu adalah rendah. Hal ini secara khusus lebih menonjol dalam kalangan wanita Melayu yang agak lemah tahap penglibatan dalam politik pilihan raya. Keadaan ini menurut beliau adalah disebabkan oleh taraf pendidikan masyarakat Melayu pada masa itu yang masih rendah. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa tahap kesedaran tentang kepentingan politik pilihan raya dalam kalangan masyarakat Melayu juga masih amat rendah dan perlu dipertingkatkan. Hal ini secara langsung turut menyebabkan pola pengundian masyarakat setempat lebih cenderung kepada isu-isu setempat sahaja tanpa melihat kepada kaitan signifikan penglibatan mereka dalam pilihan raya dengan system pemerintahan dan pembangunan

negara secara umumnya. Ini dibuktikan apabila Kamlin (1977) dalam kajiannya tentang pola pengundian masyarakat di Terengganu mendapati bahawa pola pengundian masyarakat setempat lebih cenderung kepada isu-isu setempat terutamanya yang berkaitan dengan kemajuan setempat/kawasan setempat sahaja.

Mauzy (1986) pula telah menjelaskan bahawa kejayaan dan pencapaian yang baik oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 1982 dan faktor terhadap sokongan pengundi terhadap Barisan Nasional adalah disebabkan rekod kejayaan kerajaan Barisan Nasional memerintah sejak 1957, kedudukan dan kejayaan dari aspek ekonomi negara, kestabilan politik antara komponen parti Barisan Nasional dan hubungan kaum yang harmoni di Malaysia. Selaras dengan dapatan kajian seumpamanya, Rizal & Jumat (2002) mendapati bahawa politik perkauman masih wujud pada pilihan raya di Malaysia dengan jelas pada pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1999. Malahan Rizal & Jumat (2002) turut mendapati bahawa faktor etnik masih relevan dalam pola pengundian di Malaysia sehingga kini. Oleh itu, isu kaum atau politik berdasarkan kepada etnik masih relevan dan sentiasa menjadi bahan dalam kempen pilihan raya di negara ini. Yusof & Azlan (2002) juga turut mendapati bahawa pada pilihan raya umum 1999 telah memperlihatkan pola pengundian oleh pengundi banyak dipengaruhi oleh isu-isu yang dibangkitkan terutamanya isu yang berkaitan dengan kaum, agama, rasuah, ketelusan, budaya dan lain-lain berbanding dengan pendekatan identifikasi parti yang kurang menonjol. Namun apa yang amat ditekankan oleh kesemua pengkaji ini adalah tentang pentingnya hubungkait diantara pelaksanaan pilihan raya dan isu perkauman di negara ini.

Menyedari hakikat ini, Muhamad Agus (1992) telah menjelaskan tentang politik perkauman di Sabah dan kaitannya dengan pilihan raya. Dalam hal ini, beliau mendapati bahawa sekalipun masih tidak seutuh berbanding politik perkauman di Semenanjung Malaysia, pola pengundian pengundi di Sabah lebih menjurus kepada aspek kaum atau etnik itu sendiri serta sokongan terhadap parti pemerintah yang kuat berbanding kedudukan parti-parti pembangkang. Oleh itu, menerusi konsep akomodasi politik, beliau mendapati bahawa terdapat suatu fenomena kecenderungan etnik-etnik di Sabah untuk bekerjasama dalam politik dan pilihan raya bagi tujuan memastikan kepentingan setiap kaum atau etnik di Sabah terjamin. Keadaan ini secara langsung dan tidak langsung mendorong pengundi untuk membuat pilihan semasa pilihan raya berdasarkan kepada faktor etnik. Chin Ung-Ho (1996) telah menjelaskan tentang perkembangan politik di negeri Sabah dan Sarawak dengan memberi tumpuan kepada politik kaum Cina serta parti politik SUPP. Beliau mendapati bahawa masih wujud politik yang berteraskan kaum Cina di negeri-negeri ini dengan sokongan oleh pengundi etnik Cina adalah lebih menjurus kepada parti yang diterajui atau didominasi oleh individu dari kalangan etnik mereka sendiri sekiranya wujud ketidakpuasan hati terhadap dasar atau pendekatan kerajaan semasa. Ismail (1978) telah melihat proses kerjasama politik atau politik permuafakatan dalam kalangan parti perikatan dalam pilihan raya umum 1978 sebagai manifestasi kepada keadaan seumpamanya. Dalam pemerhatian tersebut, beliau mendapati bahawa kerjasama politik Barisan Nasional dengan PAS telah meningkatkan jumlah undi bagi parti tersebut apabila faktor kaum menjadi asas utama pada pilihanraya tersebut terutamanya pada tahun 1974. Manakala bagi pola pengundian oleh pengundi Cina di Pulau Pinang menunjukkan bahawa jumlah undi oleh DAP telah meningkat pada tahun 1978. Peningkatan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa pola pengundian di Pulau Pinang masih lagi kuat dipengaruhi oleh faktor kaum khususnya apabila pengundi Cina mula memberi undian mereka kepada parti DAP sebagai parti politik yang didominasi oleh kaum Cina berbanding parti Barisan Nasional yang didominasi oleh kaum Melayu.

Berdasarkan penelitian awal terhadap kajian tentang pilihan raya dan pola pengundian dalam kalangan pengundi di negara ini maka perlulah diketahui samada pola pengundian seumpamanya masih lagi kekal tau sebaliknya. Sebagaimana yang dinyatakan di awal artikel ini, adalah ditegaskan bahawa dalam usaha memahami hal ini penjelasan tentang tentang senario politik pasca PRK di negeri Sabah yang memberi tumpuan kepada aspek kerjasama dan persefahaman politik antara parti-parti politik sebagai asas bagi membincangkan isu yang diketengahkan turut dilakukan.

Metod Kajian

Bagi tujuan menjelaskan tentang hubung kait diantara pilihan raya dan pola pengundian dalam kalangan pengundi di negara ini serta penjelasan tentang senario politik pasca PRK di negeri Sabah yang memberi tumpuan kepada aspek kerjasama dan persefahaman politik antara parti-parti politik maka pendekatan kajian kualitatif telah dipilih sebagai asas kajian. Pendekatan kajian kualitatif merupakan suatu pendekatan kajian lebih yang dianggap amat sesuai dengan topik kajian yang diketengahkan. Data yang diperolehi menggunakan pendekatan kualitatif selalunya melalui penglibatan langsung seperti memerhati, menyentuh dan berperilaku sendiri yang membolehkan kutipan data dibuat secara terperinci dan *first hand*. Oleh itu, data yang dikutip mengikut tatacara kualitatif tidak memerlukan ukuran numerikal dan tidak perlu membuat rumusan. Satu hal yang penting ialah penyelidikan kualitatif memerlukan seorang yang mahir terutama sekali ketika mengendalikan temubual. Dalam masa yang sama, perlu ditegaskan bahawa, menurut Ahmad, Romzi & Nurul (2017), Coakes & Steed (2007), Chua Yan Piaw (2006), Noursis (2004) dan Hamilton (1992) penyelidikan kualitatif kerap berdepan dengan masalah *bias* sebagai akibat daripada pemerhatian dan penglibatan langsung penyelidik terhadap keadaan sebenar perkara dikaji yang menyebabkan tiada kesetaraan (*inconsistency*) seterusnya boleh meragukan kebolehpercayaan data. Bagi mengatasi isu seumpama ini pemilihan sumber maklumat adalah amat kritikal. Justeru, perolehan data kajian melalui penglibatan langsung seperti memerhati, menyentuh dan berperilaku sendiri tidak digunakan dalam kajian yang menjadi asas kepada penulisan artikel ini.

Sebaliknya kajian atau rujukan terhadap sumber sekunder seperti buku, laporan, berita, dan artikel/journal yang berkaitan dengan pilihanraya di Malaysia terutamanya yang berkaitan dengan PRK bagi P186 Sandakan digunapakai. Penggunaan sumber data yang dimaksudkan ini penting kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya dan pola pengundian di Malaysia boleh diperolehi menerusi pembacaan atau rujukan. Pengetahuan yang berkaitan dengan pilihan raya dan pola pengundian di negara ini juga dapat membantu meningkatkan pemahaman tentang senario politik pasca PRK di negeri ini yang memberi tumpuan kepada aspek kerjasama dan persefahaman politik antara parti-parti politik yang ada.

Dapatan Kajian

Secara umumnya kajian ini telah memberi penekanan kepada PRK di Sandakan. Oleh itu, latar belakang secara ringkas terhadap keputusan pilihanraya bagi kerusi Parlimen P186 Sandakan menerusi beberapa pilihanraya umum seperti PRU-12, PRU-13 dan PRU-14 amat penting diketahui. Pada masa yang sama, pelaksanaan PRU-10 dan PRU-11 juga turut dikaitkan secara ringkas terutamanya yang melibatkan calon dan parti politik yang bertanding dalam pilihanraya tersebut. Hal ini adalah wajar dilakukan k demi manfaat awal sebelum pembaca memahami perjalanan dan keputusan PRK Sandakan yang telah dijalankan pada 11 pada Mei 2019. Dalam masa yang sama tindakan tersebut juga membolehkan adanya analisis awal terhadap situasi semasa politik dan pilihanraya di Sabah.

Sehubungan itu, berdasarkan penelitian terhadap sumber maklumat kajian, didapati bahawa secara tradisinya dalam PRU-13 dan PRU-14, kerusi P186 Sandakan biasanya dimenangi oleh parti DAP menerusi calonnya Wong Tien Fatt dengan mengalahkan calon daripada parti Barisan Nasional. Kejayaan paling bermakna adalah pada PRU ke 14 apabila calon DAP memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti yang sangat besar iaitu sebanyak 10,096 undi berbanding dengan kemenangan pada PRU sebelumnya dengan majoriti sebanyak 1,088 undi sahaja. Kejayaan parti DAP ini adalah setelah kekalahannya pada PRU-12 menerusi pertandingan 3 penjurua antara DAP, BN dan calon Bebas. Parti Barisan Nasional menerusi calon parti komponennya LDP iaitu Liew Vui Keong telah berjaya memenangi PRU-12 tersebut dengan majoriti sebanyak 176 undi sahaja.

Dalam PRU-11 yang diadakan pada tahun 2004 pula, kerusi parlimen Sandakan ini telah dimenangi oleh seorang calon Bebas. Calon Bebas yang dimaksudkan iaitu Chong Hon Min telah berjaya memperoleh undi sebanyak 9,538 berbanding calon Barisan Nasional (LDP) iaitu Liew Vui Keong yang memperoleh undi sebanyak 8,208 sahaja. Manakala calon yang lain iaitu calon parti Pasok, Liew

Teck Khen hanya memperoleh undi sebanyak 543. Ini bermakna calon Bebas tersebut telah berjaya memenangi kerusi P186 Sandakan dengan majoriti 1,130 undi. Kejayaan calon Bebas ini dianggap oleh masyarakat setempat adalah suatu yang mengejutkan kerana pada PRU sebelumnya iaitu PRU-10 yang diadakan pada tahun 1999, calon parti Barisan Nasional iaitu Lau Ngan Siew telah berjaya mengalahkan calon parti PBS iaitu Sak Cheong Yu dengan majoriti 2,972 undi.

Apa yang dapat digambarkan daripada maklumat pertandingan antara calon dalam pilihan raya di P186 Sandakan ialah suatu hakikat bahawa kerusi parlimen ini telah didominasi oleh kaum Cina sejak beberapa siri PRU yang lalu. Dominasi kaum Cina bagi kerusi ini juga diperlihatkan oleh hakikat bahawa bukan hanya calon yang bertanding berbangsa Cina tetapi juga parti politik yang didominasi oleh kaum Cina seperti DAP dan LDP yang berada dalam kancah pilihan raya di P186 Sandakan sejak dari PRU-10. Namun harus ditegaskan bahawa menerusi pengamatan tentang maklumat latar belakang pilihan raya di P186 Sandakan parti politik yang dikuasai oleh kaum Kadazandusun masih menjadi sebahagian daripada aktiviti politik kepartian dan pilihan raya di Sandakan apabila parti PBS iaitu parti politik yang berpaksikan politik pelbagai kaum telah bertanding menentang parti BN pada PRU-10 yang diadakan tahun 1999 iaitu sebelum PBS menyertaikan semula parti BN. Ini menunjukkan bahawa bukan sesuatu yang asing apabila PBS bertanding dalam PRK P186 Sandakan pada 2019 dengan menentang parti DAP dan calon Bebas.

PRK Bagi P186 Sandakan (2019)

Berdasarkan kepada rentetan PRK di Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan sejak awal lagi, salah satu kerusi yang dipertandingkan dalam siri PRK di negara ini adalah PRK yang diadakan di negeri Sabah iaitu PRK P186 Sandakan. Pada PRU-14, sebanyak 25 kerusi parlimen telah dipertandingkan di Sabah dan salah satu kerusi parlimen tersebut ialah P186 Sandakan. Pada PRU tersebut, parti BN telah berjaya memenangi sebanyak 10 kerusi parlimen di Sabah. Manakala parti Warisan telah berjaya memenangi sebanyak 8 kerusi parlimen, PKR 3 kerusi parlimen, DAP 3 kerusi parlimen dan STAR turut memenangi 1 kerusi parlimen yang ada di negeri Sabah. Kerusi parlimen P186 Sandakan merupakan satu daripada 3 kerusi yang dimenangi oleh DAP. Pada pilihan raya umum tersebut, kerusi parlimen P186 Sandakan telah dimenangi oleh calon DAP iaitu Datuk Wong Tien Fatt yang berjaya mengalahkan calon parti Barisan Nasional dengan majoriti sebanyak 19,094 undi. Kejayaan calon dan parti DAP ini adalah kesinambungan kejayaan parti dan calon yang sama pada PRU-13. Kejayaan ini meletakkan pengaruh dan kedudukan parti DAP di Sandakan sebagai memberangsangkan terutamanya selepas dua PRU-13 dan PRU-14.

Namun, pada tanggal 28 Mac 2019, ahli parlimen Sandakan iaitu Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyut Foh telah meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu akibat serangan jantung. Kekosongan kerusi parlimen Sandakan ini menyebabkan wujud keperluan untuk mengadakan PRK bagi tujuan mengisi kerusi tersebut dengan seorang wakil rakyat yang baru. Menyedari hakikat ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi Parlimen P186 Sandakan pada 11 Mei 2019 selepas proses penamaan calon selesai pada 27 April 2019. PRK bagi P186 Sandakan ini melibatkan pertandingan 5 penjuror iaitu diantara calon dari parti DAP, PBS dan tiga calon bebas. Secara umum, PRK Sandakan ini turut melibatkan seramai 40,218 pemilih dengan 50.52% daripadanya adalah pemilih wanita manakala dari segi tahap umur pula majoriti pengundi iaitu 38.07% adalah pengundi dewasa iaitu diantara umur 40 – 59 tahun dan diikuti oleh pengundi belia iaitu seramai 36.89%.

PRK ini diadakan selepas dua PRK peringkat parlimen terdahulu iaitu PRK bagi Cameron Highland di negeri Pahang dan Port Dickson di negeri Negeri Sembilan. Kedua-dua PRK ini telah menyaksikan parti politik penyandang telah berjaya memenangi pilihan raya tersebut. Sebagai parti penyandang di kerusi masing-masing parti Barisan Nasional telah berjaya mengekalkan kemenangan di Cameron Highland dan parti PKR (Pakatan Harapan) pula telah berjaya memenangi PRK di Port Dickson. Keadaan serupa turut berlaku di PRK Sandakan apabila parti DAP (Pakatan Harapan) yang telah memenangi kerusi P186 Sandakan pada PRU-14 telah berjaya memenangi kerusi parlimen P186 Sandakan pada PRK untuk kerusi tersebut. Sesungguhnya, ketiga-tiga PRK bagi kerusi parlimen yang

diadakan berikutan sebab yang berbeza iaitu bagi Port Dickson adalah disebabkan oleh wakil rakyat yang meletakkan jawatan sebagai ahli Parlimen, bagi kerusi parlimen Cameron Highland adalah disebabkan penghakiman oleh mahkamah yang membatalkan keputusan pilihanraya umum bagi kerusi tersebut dan bagi kerusi parlimen Sandakan pula adalah disebabkan wakil rakyat yang meninggal dunia.

Momentum kemenangan parti Barisan Nasional bagi PRK kerusi DUN Semenyih dan Rantau telah berjaya dinafikan oleh parti Pakatan Harapan menerusi parti komponennya iaitu parti DAP di PRK bagi kerusi parlimen P186 Sandakan. Pada pilihanraya kecil tersebut, parti DAP telah berjaya memenangi PRK tersebut dengan majoriti yang lebih besar berbanding PRU-14 (Dewan Masyarakat, 2018). Calon DAP iaitu Vivian Wong yang juga merupakan anak kepada mendiang Datuk Wong Tien Fatt telah berjaya memperolehi undi sebanyak 16,012 undi dan berjaya mengalahkan calon parti PBS iaitu Linda Tsean yang memperolehi hanya sebanyak 4,491 undi serta tiga calon Bebas lain. Keputusan PRK ini menunjukkan sokongan yang jitu terhadap parti DAP di P186 Sandakan terutamanya daripada pengundi etnik Cina. Keputusan ini juga memberi gambaran yang jelas bahawa PBS dan calon-calon bebas adalah bukan saingan yang sengit kepada parti DAP di Sandakan. Secara umumnya seramai 21,595 pengundi telah keluar mengundi iaitu 54.44% dan undi rosak pula adalah sebanyak 234 undi. Walaupun berlaku pengurangan jumlah keluar mengundi iaitu sebanyak 17.44% berbanding PRU-14, tahap sokongan kepada parti DAP adalah sangat jelas.

Kemenangan DAP ini adalah sesuatu yang sudah dijangka memandangkan pengaruh dan kedudukan parti DAP sebagai parti politik yang didominasi oleh etnik Cina di Sandakan adalah begitu baik. Hal ini turut diperkuatkan lagi dengan kedudukan parti DAP sebagai sebahagian daripada komponen parti pemerintah baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Pada masa yang sama, status calon parti DAP yang merupakan anak kepada mendiang Datuk Wong Tien Fatt turut menyumbang kepada kemenangan besar parti DAP. Pengaruh dan sumbangan serta khidmat bakti Datuk Wong selama 2 penggal sebagai ahli parlimen Sandakan serta jawatannya dalam pentadbiran negeri Sabah menjadikan mendiang Datuk Wong sangat dikenali serta dihormati penduduk setempat. Justeru, secara umumnya faktor parti DAP dan sumbangan serta khidmat bakti Datuk Wong di Sandakan sangat mempengaruhi kemenangan besar Vivian dalam PRK ini. Sebagaimana menurut Pengerusi UMNO Sabah, Datuk Bung Moktar menjelaskan bahawa kemenangan parti DAP telah dijangka dan kerusi Parlimen Sandakan merupakan kubu kuat parti tersebut (Tracy, 2019). Selaras dengan kenyataan ini maka adalah wajar ditegaskan bahawa pola pengundian dalam kalangan pengundi di negara ini amnya dan di P186 Sandakan khususnya masih lagi berpaksikan garis perkauman. Hakikat tersebut sudah semestinya dapat digambarkan sebagai suatu hakikat yang menyokong saranan Vasil (1972), Rizal & Jumat (2002), Yusof & Azlan (2002) dan Muhamad Agus (1992) bahawa pola pengundian dalam pilihan raya di negara mempunyai kecenderungan berpaksikan garis kaum.

Namun demikian, disamping faktor kaum kejayaan besar DAP dalam PRK di P186 Sandakan juga didorong oleh faktor lain seperti ketiadaan parti pembangkang yang kuat untuk menentang DAP yang diketahui mempunyai pengaruh dan sokongan yang kuat di Sandakan (Mohd Izham & Poliana, 26 April 2019). Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meletakkan calonnya Linda Tsien yang merupakan bekas ahli parlimen Batu Sapi dilihat tidak mampu untuk menyaingi pengaruh parti DAP di Sandakan. Pengaruh PBS di Sandakan adalah kurang menonjol terutamanya kepada pengundi etnik Cina dan Melayu. Dalam masa yang sama kesepakatan antara parti pembangkang juga dilihat sebagai kurang memberangsangkan. Perpecahan dalam parti BN terutamanya parti UMNO di Sabah juga telah menyumbang tahap sokongan pengundi Bumiputra Islam kepada parti DAP di Sandakan. Hal ini menyebabkan beberapa PDM yang majoritinya pengundi Bumiputra Islam beralih sokongan kepada parti DAP atau Pakatan Harapan seperti PDM Sim Sim dan Pulau Berhala. Malah kedua-dua PDM ini juga menjadi tumpuan kempen bagi parti UMNO dan PAS. Menurut Datuk Maximus Ongkili yang merupakan Presiden PBS, "walaupun keputusan tidak terlalu memberangsangkan buat partinya tetapi ia menunjukkan PBS bertanding dengan baik, tetapi akhirnya, kami tidak dapat mengatasi kekuatan yang kami hadapi daripada parti DAP atau Pakatan Harapan" (Sabah Post, 2019).

Sokongan padu tokoh-tokoh politik di peringkat pusat dan negeri juga dilihat sebagai antara faktor kemenangan parti DAP di Sandakan (Mohd Izham & Poliana, 2019). Kehadiran pemimpin-pemimpin

politik utama dalam Pakatan Harapan semasa tempoh berkempen telah memberi lonjakan sokongan yang lebih baik kepada parti DAP yang bertanding di PRK Sandakan. Kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Menteri Sabah yang juga Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu; Menteri Kewangan yang juga Setiusaha Agong DAP, Lim Guan Eng serta penasihat DAP Pusat iaitu Lim Kit Siang dilihat sangat positif dan signifikan bagi meraih sokongan pengundi terhadap parti DAP/Pakatan Harapan di Sandakan. Sebagai contoh kehadiran Datuk Seri Shafie Apdal yang berkempen di kawasan majoriti bumiputera Islam telah berjaya meraih sokongan pengundi dan seterusnya memperlihatkan juga sokongan rakyat terhadap kerajaan negeri di bawah pimpinannya menerusi parti Warisan.

Sokongan untuk pembangunan yang mampan dan berterusan antara isu dan bahan kempen dalam PRK Sandakan terutamanya oleh parti pemerintah iaitu DAP/Pakatan Harapan. Menurut Lim Guan Eng, pembangunan yang berpaksikan rakyat akan menjadikan ekonomi Sandakan akan lebih dinamik (Bernama, 2019). Pelbagai projek pembangunan yang sedang dan dalam perancangan dinyatakan oleh beliau sebagai sedang dilakukan di Sandakan dan ini dianggap mampu memberi limpahan ekonomi yang baik kepada masyarakat di Sandakan secara khususnya dan Sabah secara umumnya. Sebagai contoh projek pembangunan yang berskala besar ialah pembesaran Lapangan Terbang Sandakan yang berjumlah RM80 juta dan tebatan banjir Sungai Anip yang bernilai RM40 juta. Justeru, beliau turut menegaskan bahawa kejayaan pembangunan ekonomi juga seharusnya selari dengan usaha pembasmian gejala rasuah dan kronisme. Oleh itu, kempen terhadap isu-isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa juga mendapat tempat dalam PRK Sandakan ini terutamanya isu yang berkaitan dengan 1MDB dan masalah yang melanda Felda.

Parti pembangkang dan calon-calon bebas juga berusaha menyakinkan pengundi bagi meraih sokongan dalam PRK Sandakan kali ini. Parti PBS yang dibantu beberapa parti politik pembangkang lain seperti UMNO, PAS dan SAPP telah menggerakkan jentera kempen masing-masing bagi mendapatkan sokongan pengundi. Beberapa isu penting telah menjadi bahan kempen PBS seperti Perjanjian Malaysia 1963, isu harga minyak kelapa sawait, isu keselamatan, isu pembangunan dan isu ekonomi yang melibatkan taraf hidup rakyat secara khususnya. Namun, walaupun blok pembangkang menerusi calon PBS telah berusaha semasa kempen tetapi ianya masih belum mampu menyekat kemaraan dan kemenangan besar parti DAP.

Analisis Awal Senario Politik Semasa di Malaysia

Senario politik semasa di negara ini, khususnya di negeri Sabah pasca PRK bagi P186 Sandakan dapat dinilai berdasarkan beberapa perkara yang perlu dibincangkan. Pertamanya ialah tentang kesepaduan dan momentum kerjasama diantara parti-parti politik yang bergabung membentuk sebuah parti gabungan pemerintah. Di Sabah, terdapat gambaran wujudnya kesepaduan dan momentum kerjasama diantara parti-parti politik yang bergabung membentuk sebuah parti gabungan pemerintah di peringkat kerajaan negeri yang diketuai oleh parti Warisan. PRK bagi P186 Sandakan telah membuktikan kemenangan calon parti DAP merupakan kesan daripada kerjasama yang baik antara parti-parti politik terutamanya parti Warisan, DAP, PKR, Bersatu, Amanah dan lain-lain lagi. Kemenangan di Daerah Pusat Mengundi (DPM) bagi kawasan yang majoriti pengundi etnik Cina dan Melayu atau Bumiputera membuktikan tahap sokongan pengundi terhadap parti-parti politik tersebut. Ini memberi gambaran awal dan semasa bahawa kerjasama ini adalah utuh dan berada pada tahap yang baik bagi gabungan parti-parti politik Pakatan Harapan, Warisan dan parti-parti sekutu lain di Sabah pada ketika ini.

Kedua, dapatlah digambarkan bahawa kedudukan kerjasama parti-parti politik pembangkang atau gabungan parti pembangkang yang wujud di Sabah pada ketika ini masih lagi longgar. PRK P186 memperlihatkan pihak pembangkang telah mempertaruhkan parti PBS berbanding LDP yang merupakan parti yang secara tradisinya diberi ruang untuk bertanding di Kawasan tersebut atas dasar kesesuaian diantara dominasi kaum bagi parti bertanding dengan komposisi kaum pengundi di Kawasan tersebut. Keputusan supaya LDP memberi ruang kepada PBS untuk meletakkan calon dalam PRK tersebut adalah disebabkan oleh ketidaksepakatan antara parti pembangkang terhadap pentingnya menilai parti mana yang sesuai diberikan peluang untuk bertanding. Namun demikian, kesepakatan

dalam kalangan parti pembangkang amat rapuh. Malahan terdapat andaian umum bahawa kesepaduan dan gerak kerja antara parti pembangkang masih amat lemah terutamanya dengan semua parti seperti UMNO dan PAS yang mewakili parti Bumiputera Islam. Justeru itu, terdapat keperluan supaya suatu usaha dilakukan bagi memastikan kesepaduan dan gerak kerja antara parti pembangkang tersebut dapat dipertingkatkan. Dalam erti kata yang lain, senario ini memperlihatkan kedudukan ikatan dan kerjasama parti-parti pembangkang di Sabah yang mempunyai keperluan untuk diperteguhkan bagi memastikan kerjasama lebih erat wujud antara parti-parti tersebut bagi menghadapi gabungan parti-parti pemerintah di Sabah pada pilihanraya akan datang.

Ketiga, senario politik dan pilihan raya di Sabah berdasarkan PRK bagi P186 Sandakan juga memperlihatkan politik pembangunan dan federalisme adalah masih sangat relevan di negeri ini. Berdasarkan isu-isu dan kempen PRK ini, hal ehwal yang berkaitan dengan pembangunan masih menjadi modal politik bagi meraih sokongan pengundi. Dalam masa yang sama, hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri juga masih menjadi antara isu yang digunakan untuk meraih sokongan politik khususnya berkaitan dengan sumber ekonomi atau kewangan bagi melaksanakan beberapa projek pembangunan di Sandakan. Ini memberi gambaran awal bahawa pola pengundian dan sokongan dalam pilihan raya di negara ini turut dipengaruhi oleh isu-isu pembangunan dan sokongan atau hubungan di antara kerajaan pusat kepada kerajaan negeri. Hal ini memperlihatkan senario politik semasa ketika ini yang mana wujudnya fenomena bahawa isu politik pembangunan dan federalisme masih mampu memberi kelebihan dan kekuatan kepada parti-parti yang bertanding, terutamanya parti pemerintah. Keadaan ini seolah-olah memberi gambaran awal terhadap tahap sokongan dan pola pengundian pada pilihanraya yang mendatang di negara ini dan di Sabah khususnya.

Kesimpulan

Artikel ini secara umum telah menjelaskan bahawa PRK bagi P186 Sandakan merupakan gambaran umum terhadap kecenderungan pola pengundian di negara ini serta menjadi penanda aras awal terhadap senario politik semasa kepartian di Sabah. Dapat disimpulkan bahawa pola pengundian di negara ini masih berkait rapat dengan garis kaum. Selain itu, penanda aras awal senario politik negara dapat dirujuk kepada perkembangan politik sebagai kesan daripada PRK pertama di Sabah pasca PRU-14. Seperti yang telah dibincangkan di atas, senario semasa dapat dilihat dari aspek kesepaduan parti politik pemerintah yang diketuai oleh parti Warisan dengan dokongan yang padu oleh beberapa parti seperti UPKO, DAP, PKR, Amanah dan Bersatu. Pada masa yang sama juga senario ini dapat diperhatikan berdasarkan kepada kedudukan parti politik pembangkang yang memperlihatkan sifat lemah dari aspek kesepakatan terutamanya sokongan pengundi etnik Cina serta pengaruh parti UMNO yang kurang jelas setelah peralihan beberapa ahli politik atau wakil rakyat parti UMNO ke parti Bersatu. Di samping itu juga, PRK di P186 Sandakan ini juga memberi gambaran bahawa semangat federalisme atau hubungan diantara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri semakin kukuh dan ini ditambah lagi dengan aspek politik pembangunan yang masih kuat di Sabah. Ini membuktikan kerjasama dan komitmen parti politik Pakatan Harapan, baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri telah memberi impak yang besar dalam lanskap politik dan pilihan raya negara terutamanya di Sabah yang akhirnya berjaya diterjemahkan dengan kemenangan calon dari parti pemerintah bagi PRK di P186 Sandakan ini. Pada masa yang sama, dapat digambarkan bahawa persaingan politik dalam PRK bagi P186 Sandakan ini menjadi petunjuk bahawa terdapat keperluan dalam kalangan parti pembangkang untuk memperkukuhkan kerjasama politik antara mereka terutamanya setelah perpecahan dalam parti Barisan Nasional di peringkat negeri Sabah. Justeru itu, PRK bagi P186 Sandakan secara umumnya dapat memberi gambaran awal dan semasa terhadap senario semasa politik kepartian dan pilihan raya negara ini dan di Sabah khususnya. Namun demikian, perlulah ditegaskan bahawa senario ini tidak rigid dan politik adalah sesuatu yang fleksibel. Oleh itu, dapatan awal tentang isu ini masih perlu diperincikan melalui suatu kajian yang lebih sistematik.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan penulis mengenai 'Integriti Pilihan Raya dalam Pelaksanaan Demokrasi di Sabah, Malaysia' dari November 2019 hingga kini (akan berakhir pada Disember 2020). Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Romzi Ationg & Nurul Ain Zulhaimi. (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science*, 9(1): 46-56.
- Baharudin Ali Masrom. (1989). *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: D' Enterprise.
- Bernama. (2019). Enam sebab DAP menang besar di Sandakan - Lim Guan Eng. *Berita Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/enam-sebab-dap-menang-besar-di-sandakan-lim-guan-eng-207508> (diakses pada 10 Disember 2019)
- Chin Ung-Ho. (1996). *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Ststistik dan Penyelidikan (Kaedah Ststistik dan Penyelidikan Buku 2)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Co.
- Coakes, J. S. & Steed, L. (2007). *Statistical Packages for Social Scientists, Vesion 14.0 for Windows: Analysis Without Anguish*. Melbourne: John Wiley & Sons Ltd.
- Dewan Masyarakat. (2018). *Analisis Khas PRU-14*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hamilton, L. C. (1992). *Regression with graphics: a second course in applied statistics*. California: Brooks / Cole Publishing Company.
- Ghazali Ismail. (1990). *Isu Dalam Pilihanraya 90-an*. Petaling Jaya: Perdana Production House.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011). Kajian budaya politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor. *Jurnal Melayu* (8): 153 – 172.
- Jupp, J. (1968). *Political parties*. London, UK: Routledge & K. Paul.
- Mohd Izham Unnip Abdullah & Poliana Ronnie Sidom. (2019). PRK Sandakan, sejarah baharu pilihan raya Sabah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/04/557535/prk-sandakan-sejarah-baharu-pilihan-raya-sabah> (Diakses pada 10 Disember 2019)
- Mohammad Agus Yusoff. (1992). *Politik Akomodasi Di Sabah*. Kuala Lumpur: Laser Skill Press Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad (2002). *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustapha, Abdul Latif Ahmad & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2016). Sumber berita bingkai pilihan raya: Transisi, pemilihan dan autoriti. *Jurnal Komunikasi*, 32(1): 535-550.
- Norusis, M. (2004). *SPSS 13.0: Statistical Procedures Companion*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall, Inc.
- Poliana Ronnie Sidom. (2019). Layak mengundi PRK Sandakan. *Harian Metro*. <https://www.msn.com/en-my/news/national/40218-layak-mengundi-prk-sandakan/ar-BBVwILt> (diakses pada 10 Disember 2019)
- Ranney, A. (1993). *Governing: An Introduction to Political Science*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Riley, M. 1988. *Power, Politics and Voting Behaviour*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rizal & Jumaat. (2002). Politik Etnik & Perkembangan Politik Baru. Dlm. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Roskin, G. M. (2000). *Political Science: An introduction*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Rubin, B. (1967). *Political Televisyen*. California: Wodsworth Publishing Campony Inc.
- Sabah Post. (2019). PBS hormati keputusan pengundi. *Sabah Post*. <https://www.sabahpost.net/2019/05/11/pbs-hormati-keputusan-pengundi/> (diakses pada 10 Disember 2019)

Tracy P. (2019). Kami sudah jangka, kata Umno Sabah mengenai siasatan rasuah Bung Moktar. *FMT News*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/05/02/kami-sudah-jangka-kata-umno-sabah-mengenai-siasatan-rasuah-bung-moktar/> (diakses pada 10 Disember 2019)